

# Dr. Mahathir kesali sikap G7

Ⓟ *tripa* *cyber*

U.M. 14MAY 1993 ↓

Daripada KHALID MOHD.

**T**OKYO 13 Mei — Malaysia, hari ini, meminta negara-negara maju dalam Kumpulan Tujuh (G7) yang akan bersidang di sini Julai depan supaya memikirkan sama nasib negara-negara bukan anggotanya yang akan terjejas setiap kali mereka mengambil sebarang keputusan.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Malaysia sendiri sedang menanggung beban hutang yang teruk akibat daripada keputusan menilai semula mata wang Yen yang diambil sebagai jalan keluar untuk mengimbangkan dagangan antara Jepun dengan Amerika Syarikat.

Rasional di sebalik langkah ini ialah andaian bahawa barangan keluar-

an Jepun tidak akan terlalu mahal lagi untuk dijual di Amerika Syarikat.

Bagaimanapun, apa yang berlaku, kata Dr. Mahathir, ialah nilai semula itu telah dengan serta-merta meningkatkan pinjaman Malaysia dari Jepun sebanyak 100 peratus.

"Fikirkanlah sama nasib orang lain kerana setiap kali G7 mengambil sebarang keputusan, ia melibatkan kami juga," katanya semasa sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan 'Peranan Asia Dalam Tata Dunia Yang Sedang Berubah' di sini petang ini. Beliau ditanya apakah mesejnya kepada G7 yang akan bersidang di sini tidak lama lagi.

Perdana Menteri melahirkan rasa kesalnya dengan sikap G7 itu yang

■ Lihat muka 2

## Dr. Mahathir kesali sikap G7

U.M. 14 MAY 1993

tidak mepedulikan akibat-akibat buruk yang terbit daripada tindakan-tindakan mereka.

Menurutnya, sungguhpun begitu, Malaysia terus meminjam dari Jepun dan terus membeli daripadanya.

Beliau memberitahu, kini nilai mata wang Yen sedang meningkat sebanyak 20 peratus lagi di sisi Ringgit Malaysia, membuat hutang negara terus meningkat.

"Apa yang kami beli dari Jepun akan menjadi lebih mahal, dan kami sememang pun bercadang membeli sebilangan lagi barangan dari sini," kata Dr. Mahathir.

Oleh itu, ujarnya, G7 hendaklah mengambil kira nasib negara-negara kecil sedang membangun bila membuat sebarang keputusan.

Beliau berkata, Presiden Suharto sebagai Pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ingin datang ke mari untuk menyampaikan mesej yang sama kepada G7, tetapi nampaknya kumpulan negara maju ini tidak begitu berminat mendengarnya.

Diminta mengulas langkah Jepun menyenaraikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang tidak merupakan rakan dagangan yang baik, Perdana Menteri berkata, Malaysia juga sedang menyiapkan senarai yang serupa dan beliau yakin Jepun akan termasuk sama dalam senarai itu.

Menjawab beberapa pertanyaan mengenai EAEC, Dr. Mahathir berkata, harapan untuk melihat perundingan ini menjadi kenyataan bertambah cerah sekarang.

Sebelum ini, katanya, halangan utama ialah Amerika Syarikat, tetapi dengan perubahan pentadbiran di Washington, beliau berharap dan berdoa halangan yang wujud dahulu tidak akan menjadi penghalang lagi.

Perdana Menteri menegaskan bahawa EAEC bukannya satu mimpi, tetapi akan menjadi kenyataan yang akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan Asia Timur dengan lebih cepat dan berkesan.

Beliau berkata, keyakinannya bertolak daripada kepercayaan beliau baha-

wa manusia sememangnya mempunyai keupayaan untuk bekerjasama, walaupun terdapat juga manusia yang tidak boleh berbuat demikian.

Bagaimanapun, ujarnya, "kita hendaklah mencuba."

Dr. Mahathir menambah, beliau tidak nampak kenapa negara-negara Asia Timur tidak boleh duduk semeja bagi mengorak langkah ke arah memajukan diri masing-masing atau pun membantu rakan-rakan yang ketinggalan.

Sebenarnya, ujar beliau, bantuan sesama sendiri seperti ini sudahpun dibuat walaupun EAEC belum wujud lagi.

Menjawab pertanyaan lain, Perdana Menteri berkata EAEC akan terus bergantung pada dagangan dunia dan kelahirannya tidak bererti Asia Timur tidak akan ada apa-apa lagi urusan atau kaitan dengan dunia di luar rantaunya.

"Saya percaya, dengan penjelasan yang berterusan, EAEC, suatu hari nanti akan disokong oleh pihak Barat sendiri," ujar beliau.